

'Terus dapat tawaran kerja'

Graduan terbaik ALAM turut luah rasa gembira tidak perlu bayar pinjaman pelajaran

Oleh **NOR FARHANA YA'ACOB**
ALOR GAJAH

Kesusahan keluarga bukan penghalang seorang anak muda untuk melakar sejarah selepas dipilih sebagai pelajar terbaik keseluruhan Akademi Laut Malaysia (ALAM) 2023 pada Majlis Konvokesyen ALAM kali ke-122 di Kuala Sungai Baru, di sini, pada Sabtu.

Pelajar Diploma Pengajian Nautika, Umair Mohammad Bukhari, 21, berkata, bapanya, Mohammad Bukhari Saud, 61, bekerja sendiri manakala ibunya Fadzilah Abdul Rahman, 59, se-

orang suri rumah membuatkan dia berkecambah mengubah nasib keluarga dengan menyertai ALAM.

Menurutnya, sepanjang pengajian di situ, dia tidak bimbang memikirkan tentang yuran setiap semester, kerana segala telah ditanggung syarikat Eaglestar yang merupakan anak syarikat MISC Bhd.

"Dengan kemudahan dan bantuan yang ada, saya berusaha belajar bersungguh-sungguh untuk bersaing dengan pelajar-pelajar lain," katanya yang pernah mengambil upah bekerja di sawah padi.

Bagi pelajar terbaik keseluruhan 2020, Muhammad Thiabuddin Ariffin, 22, yang mengambil jurusan sama, berkata, keluarga sentiasa memberi semangat untuk dia berjaya dengan cemerlang.

Menurutnya, walaupun mendapat tawaran biasiswa me-



MUHAMMAD THIABUDDIN



SITI NORANIS KARMILA

lanjutkan pengajian selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dia tidak pernah menyesal dengan keputusan menolak tawaran itu demi untuk belajar di ALAM.

Kata graduan itu, dia tidak perlu menganggur sebaliknya terus ditawarkan pekerjaan selepas tamat pengajian.

"Tamat pengajian saya terus ditawarkan kerja dan selama tempoh pengajian ia ditanggung Eaglestar," katanya yang berasal Jerantut Pahang.

Sementara itu Siti Noranis Karmila Azemin, 21, yang berasal dari Machang, Kelantan



Seramai 769 graduan ALAM hadir pada Majlis Konvokesyen ALAM kali ke-122 di Kuala Sungai Baru, Melaka pada Sabtu.

berkata, kerana meminati bidang itu dia sanggup meninggalkan pengajiannya di Matrikulasi Kelantan.

Dia bernasib baik apabila permohonan ke akademi itu diterima dan segala kos pengajian turut ditanggung oleh syarikat yang sama.

"Walaupun bidang ini didominasi lelaki, namun wanita juga mampu berjaya jika berusaha dan pandai menjaga diri.

"Jika tidak mendapat tajaan, mungkin sukar untuk bapa saya

menanggung kos pengajian di sini kerana bapa merupakan pesara bomba di lapangan terbang.

"Dengan kerjaya ini saya berpeluang belayar ke beberapa buah negara termasuk Korea dan Jepun," kata anak bongsu dari empat beradik.

Seramai 769 graduan yang berjaya menamatkan pengajian diraikan pada majlis yang disempurnakan oleh Pengerusi MISC Bhd, Datuk Abu Huraira Abu Yazid.

Inovasi biji rambut gantikan plastik, dinobatkan juara NaSIC 2023

KUALA LUMPUR - Inovasi sumber biji rambut sebagai bahan gantikan plastik telah melayakkan Pasukan BLITZ terdiri daripada pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kubang Pasu, Kedah dinobatkan juara National Sustainability Innovation Challenge (NaSIC) 2023 pada Sabtu.

Pasukan BLITZ diwakili Siti Nadiyah Amirah Mohd Fadhil, 16, Abdul Muhaimin Mohd Sahabuddin, 16, dan Muhammad Iman Naufal Mohammad Nadzim, 16, menewaskan enam pencabar lain dan berjaya membawa pulang baucar tunai RM1,200 disumbangkan Lotus's Malaysia.

Wakil pelajar, Abdul Muhaimin berkata, idea projek itu tercetus daripada pembacaan artikel membabitkan kajian daripada kumpulan universiti yang menghasilkan gantikan plastik daripada kulit buah-buahan.

"Daripada situ, timbul idea untuk guna sumber sama bagi menangani isu plastik sekali guna. Selepas membuat kajian, terhasil projek penggunaan projek biji rambut ini.

"Pemilihan biji rambut disebabkan sumbernya yang banyak di dalam negara dengan dianggarkan hampir 96,000 tan tidak diguna di pasaran.

"Selain itu, biji rambut tidak banyak kegunaan dan potensinya juga tidak dikenali dalam negara. Disebabkan itu



AZLIZA

kami memilih sumber ini," katanya.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah Eksekutif Khidmat Korporat Lotus's Malaysia, Azliza Azmel dan Pro Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus Kuala Lumpur, Profesor Dr Abdul Latif Saleh yang berlangsung di Lotus's Selayang di sini, pada Sabtu.

NaSIC 2023 merupakan pertandingan anjuran Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia-Jepun (MJIT)-UTM dengan kerjasama Lotus's Malaysia bagi menarik minat belia Malaysia dalam subjek *circularity*.

Objektif NaSIC 2023 adalah bagi menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif bagi mereka yang berminat dalam menangani isu alam sekitar selain pendedahan kepada teknologi hijau, kejuruteraan, kitar semula dan penggantian untuk plastik sekali guna dalam industri peruncitan.

Penganjurannya telah berjaya menarik penyertaan 130 pasukan sebelum 50 pasukan telah di senarai pendek dengan tujuh pasukan berjaya mara ke peringkat akhir.

Sementara itu Azliza berkata, NaSIC 2023 merupakan kolaborasi pertama bersama MJIT-UTM untuk menarik minat pelajar berkongsi idea membantu Lotus's Malaysia dalam usaha mendapatkan sumber alternatif mengurang-



Pasukan BLITZ dianggotai pelajar MRSM Kubang Pasu muncul juara NaSIC 2023.

kan penggunaan plastik sekali guna.

"Kalau lihat di Lotus's, kami telah menghentikan pemberian plastik di kaunter pembayaran sejak 2021 tetapi bahan ini masih digunakan di bahagian bahan mentah untuk kegunaan barang basah seperti sayuran dan ikan.

"Jadi NaSIC merupakan medium buat pasar raya mendapat idea daripada pelajar untuk membantu kepada solusi gantikan plastik sekali guna khususnya dalam industri peruncitan," katanya.

Ditanya sasaran pengurangan plastik di bahagian bahan mentah, beliau menjelaskan Lotus's Malaysia belum menetapkan sasaran tersebut memandangkan ia masih di peringkat pengumpulan idea dan belum menemui bahan gantikan sesuai untuk diimplementasikan secara total.

Ujarnya, idea diberikan pelajar sangat baik namun masih di peringkat prototaip jadi perlu masa untuk kolaborasi bersama UTM untuk menghasilkan produk yang dicadangkan.

FOTO: SINAR HARIAN / MOHD HALIM ABDUL WAHID